

19 JAN 1998

Howard-Lawatan

HOWARD AKAN LAWAT MALAYSIA BULAN DEPAN

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 19 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Australia John Howard hari ini mengumumkan bahawa beliau akan membuat lawatan rasmi ke Malaysia dari 22 hingga 24 Feb ini.

Howard mengaitkan lawatan itu bertepatan dengan krisis ekonomi Asia yang, walaupun memberi kesan kepada Malaysia, ia tidak perlu mengikuti langkah Indonesia, Thailand dan Korea Selatan dalam meminta bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa.

"Memandangkan kesukaran yang dihadapi rakan-rakan dan jiran-jiran kita, ini bukan masanya untuk mengurangkan perhubungan dengan negara-negara itu di rantau ini," katanya.

"Malahan ia adalah masa untuk menghulurkan bantuan, untuk menunjukkan seperti mana yang kami lakukan dalam menghulurkan bantuan kepada Thailand dan Indonesia serta Korea bahawa Australia ialah rakan serantau yang baik.

"Dan yang paling penting ialah kami kuat dan mempunyai ekonomi yang kukuh untuk memberikan bantuan kepada negara-negara ini."

Howard, yang kurang mendapat sokongan dalam pilihan pendapat walaupun memperolehi kemenangan besar mengalahkan Paul Keating kira-kira dua tahun lepas, berharap dapat menemui Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur.

Kemerosotan populariti Howard bermula apabila beliau enggan meminta Wakil Rakyat Bebas Pauline Hanson supaya bertanggungjawab terhadap pendapatnya yang provokatif mengenai penghijrahan rakyat Asia dan kebajikan orang asli.

Kewibawaan kepimpinan beliau telah dipersoalkan beberapa kali dalam pelbagai isu dan terdapat keraguan serius di kalangan pengulas politik mengenai kemampuannya memenangi pilihan raya akan datang yang dijangka diadakan pertengahan tahun ini.

Ini merupakan lawatan pertama Howard ke Malaysia sejak menjadi Perdana Menteri Australia dua tahun lepas.

Walaupun Howard menjadikan usaha memulihkan hubungan rapuh antara Australia dan Malaysia sebagai satu daripada keutamaan dasar luar kerajaannya, para penganalisis berkata terdapat sedikit bukti terhadap sebarang peningkatan perhubungan sejak pilihanrayanya.

Mereka menyatakan bahawa Malaysia terus menghalang usaha Australia menyertai perkumpulan Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) yang menghubungkan Asia Timur dan Kesatuan Eropah.

Howard dan Dr Mahathir bertemu sekejap di Brisbane pada Mac 1996 apabila Perdana Menteri Malaysia itu singgah dalam perjalanan pulang selepas membuat lawatan ke New Zealand. -- BERNAMA

NDC NAK